

28/10/1999

Projek LPT dimulakan bulan depan

Sariha Mohd Ali

KUANTAN, Rabu - Projek pembinaan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang tertangguh sejak setahun lalu, akan dimulakan bulan depan dengan pembinaan fasa pertama sepanjang 50 kilometer antara Karak ke Temerloh.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata majlis pecah tanah lebuhraya dua lorong sepanjang 50 kilometer itu, akan dilakukan bersama oleh Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu dan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapha Mohamed.

Katanya, laluan lebuhraya itu juga akan menggunakan jajaran baru, berbeza daripada jalan sedia ada antara Karak ke Temerloh.

Sebagai permulaan, katanya, laluan lebuhraya sepanjang 14 kilometer akan dibina terlebih dahulu kerana membabitkan tanah kerajaan, manakala bakinya akan dilakukan selepas proses pengambilan tanah milik persendirian selesai.

Beliau turut menegaskan pembinaan projek LPT bukan gimik politik menjelang pilihan raya.

Sebaliknya, katanya, projek itu dilaksanakan segera selepas beberapa masalah yang dihadapi sebelum ini, berjaya diatasi.

"Kita akan melakukan majlis pecah tanah pada bulan depan bagi menandakan bermulanya projek pembinaan LPT. Ini bermakna LPT tetap diteruskan walaupun sudah tertangguh sekian lama.

"Selepas ini, ia mungkin disambung antara Temerloh ke Maran atau terus ke Kuantan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan exco, di sini hari ini.

Akhbar sebelum ini melaporkan projek pembinaan LPT sepanjang 338 kilometer antara Karak ke Terengganu, akan diteruskan walaupun perjanjian persefahaman (MoU) antara kerajaan Pusat dengan konsortium yang diketuai Malaysia Mining Corporation Bhd (MMC), tamat September lalu.

Projek LPT akan dilaksanakan dalam dua fasa iaitu dari Karak ke Kuantan dan fasa kedua, dari Kuantan ke Cendering, Kuala Terengganu melalui Jabor.

Samy Vellu pada 13 September lalu, berkata walaupun perjanjian konsesi projek itu ditandatangani September tahun lalu, beberapa perkembangan terbaru menyebabkan perbincangan semula terpaksa diadakan.

Katanya, ini termasuk menentukan pembiayaan kewangan dan kos baru, berikutan keputusan Kabinet mengurangkan kos kepada RM3 bilion berbanding RM4.2 bilion sebelum ini.

Selain MMC yang memegang 40 peratus ekuiti, konsortium itu turut dianggotai United Engineers Malaysia dan MTD Capital Bhd, masing-masing menguasai 30 peratus ekuiti.

Adnan berkata, kerajaan dan rakyat negeri ini berterima kasih kepada Kerajaan Pusat khasnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin dan Kementerian Kerja Raya kerana meneruskan projek LPT.

"Projek itu membuktikan kerajaan terus mengambil inisiatif menyediakan kemudahan asas sempurna kepada rakyat di samping bertujuan menarik pelaburan asing ke Pantai Timur," katanya.

(END)